



OPS SANITASI AWAM DIPERLUAS DI KAWASAN BERSTRATA KOS RENDAH DAN SEDERHANA RENDAH



© Unit Komunikasi Korporat, KPCT

Pada 12 April 2020, Operasi Sanitasi Awam telah diperluas di kawasan berstrata kos rendah dan sederhana rendah untuk membendung penularan wabak COVID-19. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPCT) bertindak melakukan Operasi Sanitasi susulan keputusan kerajaan melanjutkan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa ketiga bermula 14 April hingga 28 April.

Seterusnya, YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin telah meninjau Operasi Sanitasi Awam yang dilakukan di Pangsapuri Sri Impian, UKAY Perdana dan Flat Kos Rendah Taman Kosas, Ampang. Operasi turut melibatkan 37 skim perumahan yang telah dikenal pasti dan ia melibatkan 20,520 unit rumah di bawah pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seperti Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Perbandaran Subang Jaya, Majlis Perbandaran Klang, Majlis Perbandaran Selayang dan Majlis Perbandaran Kajang.

Terdapat kawasan yang telah dicatatkan sebagai kawasan berisiko tinggi antaranya ialah Negeri Selangor yang mencatatkan kes paling tinggi positif COVID-19, Kementerian telah mempertingkatkan lagi usaha dan perluaskan operasi di serata negeri. Secara keseluruhannya, KPCT di bawah Taskforce Sanitasi Awam COVID-19 sebelum ini telah selesai menjalankan sejumlah 1,125 operasi merangkumi 83 zon iaitu 24 Zon Merah, 15 Zon Jingga dan 44 Zon Kuning.

Menurut YB Puan Hajah Zuraida, operasi sanitasi hanya fokus kepada kawasan guna sama seperti koridor, tangga, lif dan rumah ibadat yang melibatkan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), PBT serta Badan Pengurusan Bersama skim perumahan dan agensi lain. Bahan



© Unit Komunikasi Korporat, KPCT

semburan yang digunakan juga tidak memberi kesan sampingan terhadap kesihatan awam. Justeru, beliau mengharapkan agar peluasan kawasan operasi sanitasi ini akan memberi kesan positif kepada pengurangan kes COVID-19 seterusnya memutuskan rantai jangkitan wabak COVID-19.



© Unit Komunikasi Korporat, KPCT

Turut menyumbang kepada penduduk yang terjejas semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini ialah QSR Brands (M) Holdings Bhd berupa sumbangan makanan kepada penduduk Flat Kos Rendah Taman Kosas, Ampang yang menjadi sebahagian daripada Tanggungjawab Sosial Korporat syarikat tersebut.